

**28/07/2012 - Sesi Amanat Perkhidmatan Awam, Program Transformasi Pegawai Ke Luar Negara**

Bismillahir rahman nir rahim,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah Robbil 'alamin, Wasolatu wassalam mu'ala asrofil,  
ambiya iwal mursalin, wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis,

Y.M. Datuk Raja Arif Raja Ali  
Ketua Pengarah Biro Tatanegara,

YBhg. Datuk Ibrahim Ahmad  
Ketua Pengarah MARA,

YBhg. Dato' Syed Sultan Idris  
Setiausaha Bahagian Amerikas,  
Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra),

YBhg. Dato' Mohd Tajuddin Don  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA),

Pegawai-Pegawai Kanan BTN, JPM, JPA, MARA dan Wisma Putra,

Wakil-wakil Korporat dan Media,

Peserta-peserta Program Transformasi Pegawai Ke Luar Negara,

Seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati.

- Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita semua dipertemukan dalam Sesi ini untuk saya bertemu dengan peserta-peserta Program Transformasi Pegawai Ke Luar Negara.

Sahabat-sahabat perjuangan yang saya kasihi sekalian,

- Biro Tatanegara atau lebih dikenali sebagai BTN merupakan sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memupuk semangat patriotisme; menerangkan dasar-dasar semasa negara; dan juga menjelaskan isu-isu semasa negara. Ia dilaksanakan melalui Program Transformasi Negara yang bermatlamat, antara lain untuk :

- Mempertingkatkan komitmen rakyat kepada Gagasan 1Malaysia, dan usaha-usaha mendukung program-program transformasi negara;
- Menjadikan rakyat supaya lebih patriotik dalam menunjangi dasar-dasar negara ke arah negara maju, sejahtera dan bahagia; dan
- Menerapkan nilai-nilai murni untuk mengukuh dan merakyatkan perkhidmatan awam.

Saudara dan saudari sekalian,

- Pada 2 April 2009, Gagasan 1Malaysia telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri kita, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Intipati gagasan ini adalah untuk menyatukan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju, sejahtera dan bahagia.
- Gagasan ini menjadi landasan penting pihak Kerajaan untuk mencapai agenda semasa negara berdasarkan tagline “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”.

Saudara dan saudari sekalian,

- ‘Rakyat Didahulukan’ merupakan petunjuk bahawa Kerajaan amat mengambil kira aspek kebajikan rakyat. Ini bermakna, setiap dasar dan program yang telah dibuat oleh Kerajaan mestilah mengambil kira aspek kebajikan rakyat terlebih dahulu.
- ‘Pencapaian Diutamakan’ pula merupakan janji Kerajaan kepada rakyat bahawa setiap program atau dasar yang diperkenalkan mestilah dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar rakyat benar-benar merasai kesan daripada pelaksanaan sesuatu program.
- Oleh itu, seluruh penjawat awam mestilah memahami, menghayati dan mempraktikkan apa yang tersirat di sebalik ‘tagline’ Gagasan 1Malaysia.

Saudara dan saudari sekalian,

- Bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju, sejahtera dan bahagia, ia memerlukan komitmen daripada pihak rakyat dan pihak Kerajaan. Komitmen di pihak rakyat ialah mengamalkan budaya progresif iaitu budaya berprestasi tinggi, budaya ilmu, budaya inovasi dan budaya ketepatan dan juga nilai-nilai aspirasi yang merangkumi integriti, ketabahan, kebijaksanaan dan kesetiaan.
- Komitmen di pihak Kerajaan pula ialah dengan memperkenalkan Dasar Transformasi Negara iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Luar Bandar (RTP), Program Transformasi Politik (PTP), dan Program Transformasi Digital (DTP).

Saudara dan saudari sekalian,

- Rakyat menginginkan sebuah Kerajaan yang efektif, kreatif, berinovasi dan berintegriti. Sebagai penjawat awam, kita harus sedar bahawa rakyat pada hari ini mempunyai tahap

pemikiran yang kritis, dan tajam untuk menilai prestasi Kerajaan, terutamanya terhadap kita sebagai penjawat awam. Tuntutan utama mereka ialah perubahan yang ketara dalam urus tadbir negara, termasuklah proses yang lebih efektif dan cepat dalam pelaksanaan dasar-dasar yang jelas meletakkan kesenangan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan.

- Bertolak daripada kesedaran mengenai kehendak rakyat itulah, Kerajaan telah menumpukan sepenuhnya terhadap proses perubahan atau “transformasi” dalam dua bidang utama yang telah saya sebut sebelum ini iaitu ETP dan GTP. Pelan Tindakan 2.0 Program Transformasi Negara atau GTP Roadmap 2.0 bagi tempoh 2013-2015 telah dilancarkan pada minggu ini selepas kejayaan memberangsangkan GTP dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu mengurangkan jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan bermutu, meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, menambah baik pengangkutan awam; dan memerangi kos kehidupan yang kian meningkat .

- Proses transformasi ini amat penting dan signifikan memandangkan perubahan-perubahan dari segi dasar dan program-program yang diperkenalkan akan membawa negara ini mencapai status negara maju pada tahun 2020 mengikut acuan kita sendiri, iaitu rakyatnya hidup dalam penuh kemakmuran, keharmonian, bersatu padu dan berpegang kepada ajaran agama serta moral yang tinggi.

- Untuk menjayakan Dasar Transformasi Negara, maka seluruh jentera pelaksana program tersebut terutamanya penjawat awam mestilah berubah atau transform terlebih dahulu daripada aspek dalaman dan luaran. Maka adalah penting para pelaksana mengamalkan budaya progresif iaitu budaya berprestasi tinggi, budaya ilmu, budaya inovasi, dan budaya ketepatan dalam melaksanakan tugas dan nilai-nilai aspirasi seperti integriti, ketabahan, kebijaksanaan dan kesetiaan.

- Kemajuan dan pembangunan sebuah negara tidak dapat diukur melalui pendapatan per kapita, kadar pertumbuhan ekonomi dan jumlah eksport atau pelaburan semata-mata. Ia juga harus diukur daripada hasil kreativiti dan inovasi masyarakatnya yang dicerminkan daripada hasil penyelidikan dan penulisan selain mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Saudara dan saudari sekalian,

- Dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, pada bulan lepas, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan dua akronim atau enam prinsip baru perkhidmatan awam dalam menjayakan agenda transformasi negara iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktiviti, Creativity dan Inovasi).

- CTI merupakan nilai yang sangat penting bagi memastikan sistem penyampaian Kerajaan berada pada tahap yang terbaik dan dapat memperbaiki persepsi rakyat terhadap mutu perkhidmatan awam. PCI pula tidak dapat dipisahkan daripada Agenda Transformasi Negara. Pemikiran kreatif dan inovatif khususnya pemikiran di luar kotak seperti penggunaan Strategi Lautan Biru mestilah menjadi keutamaan di kalangan penjawat awam bagi meningkatkan produktiviti.

- Realiti semasa dan kehendak oleh rakyat memerlukan perkhidmatan disampaikan dengan Cepat dan Tepat dalam memenuhi kehendak kumpulan sasaran. Penyampaian perkhidmatan juga mestilah disampaikan dengan berintegriti.
- Kejayaan prinsip-prinsip perkhidmatan awam ini bergantung kepada Kreativiti dan Inovasi penjawat awam dalam menerokai pendekatan baru untuk melaksanakan sesuatu dasar dengan kos rendah, tetapi pada masa sama memberikan impak tinggi dan dilaksanakan dengan pantas.
- Pihak Kerajaan kini gigih membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi, mewujudkan perkhidmatan awam yang mapan, moden dan berkualiti. Ke arah ini, platform unik untuk perkongsian pengalaman dan idea, dan peluang untuk berdialog secara konstruktif adalah diperlukan demi mewujudkan senario pemilikan secara bersama (collective ownership) terhadap apa-apa dasar atau pelan tindakan yang hendak dilaksanakan. Menerusi collective ownership, kejayaan pelaksanaan dasar adalah terjamin.

Ladies and Gentlemen,

- I am a firm believer of the maxim “knowledge is power”. To share my experience with all of you, I pursued my master degree in economics at Oklahoma State University, United States of America at the age of thirty in 1985; and because of my passion for knowledge, I later decided to pursue my PhD degree in environmental science and economics at the same university in 1993.
- For I believe that with knowledge, we can solve the most complex problems, we can realise the most improbable of dreams, and as civil servants, we can use our knowledge, expertise and specialisation in bringing the civil service towards greater heights, and in meeting the ever-increasing demands and expectations from the government and the rakyat.
- The Malaysian Government firmly advocates the belief that knowledge transforms the nation. Knowledge allows for development of the nation, both from a social and economical perspective.
  - Firstly, socially, knowledge equips us, the civil servants with the ability to be humane, and to understand others. As a multi-cultural society, we are united by our common values and shared experiences. Such can only be obtained through knowledge, and via both formal and informal education. Ignorance leads to fear, and knowledge dispels that.
  - Secondly, economically, knowledge allows us to utilize our nation’s resources, to capitalize on our comparative advantages and to engage with the free market in a way that is beneficial for the rakyat. In the 10th Malaysia Plan, one of its thrusts is to increase the knowledge and innovation-base of the nation as well as promote a first class mindset. As civil servants, we need to work hard at improving the capacity of our knowledge asset to transform our society and economy.

Ladies and gentlemen,

- In Islam, the first divine revelation to Prophet Muhammad S.A.W. more than a thousand years ago was the Surah Al-Alaq, which literally means ‘The Clot’. In the Surah, Allah

S.W.T. commanded: Iqra, “Read, in the name of thy Lord who has created all that exists. He has created man from a clot. Read and your Lord is Most Generous. Who has taught (you) writing by the pen. He has taught man that which he knew not”.

- These verses emphasise the importance of knowledge or ‘ilmu. Interestingly, the first revelation in Islam was neither about faith nor about worship, but it was about knowledge.
- The Prophet Muhammad S.A.W. never ceased to stress its significance. The Prophet spoke of life-long learning long before it was discovered as a central element of a knowledge society in the late twentieth century, and he could not have expressed it better: “Seek knowledge from the cradle to the grave”.

Saudara dan saudari sekalian,

- Kejayaan agenda transformasi negara ini adalah terletak pada penjawat awam yang bertindak sebagai pemacu utama dalam menjayakan agenda ini. Untuk itu, kita hendaklah memainkan peranan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.
- Selain meneruskan serta mempertingkatkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh mantan KSN seperti penubuhan PEMUDAH dan sebagainya, saya berhasrat untuk mengamalkan dasar kepimpinan terbuka, jujur, ikhlas serta berterus terang dalam semua urusan di pelbagai peringkat penjawat awam dengan menekankan kepada aspek hubungan kemanusiaan dan keprihatinan.
- Saya juga akan mempergiatkan proses ‘engagement’ dengan membudayakan amalan turun padang ke lokasi penduduk, pusat-pusat operasi, kaunter-kaunter perkhidmatan dan lawatan tapak bagi mendapatkan maklumat serta melihat keadaan sebenar di peringkat akar umbi di samping memantau pelaksanaan projek serta program.
- Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada saudara dan saudari sekalian. Saya berharap agar bulan Ramadhan yang mulia ini akan dapat memberi manfaat, keberkatan serta semangat untuk kita bekerja dengan lebih tukun dan ikhlas, selaras dengan kehendak agama.
- Saya juga ingin mengucapkan, selamat maju jaya dan selamat berjuang kepada saudara dan saudari yang akan berlepas ke luar negara tidak lama lagi. Please carry our Malaysian flag high, study smart and excel in your studies.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum w.b.t.

Terima kasih.